



MUHAMAD Zikril Azan (kanan) menunjukkan seluar berjenama tiruan yang dirampas pada sidang media di Ibu Pejabat KPDNHEP Selangor di Shah Alam, semalam.

Lari lintang-pukang

KPDNHEP rampas 3,734 helai pakaian jenama tiruan

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam

Sekumpulan warga Pakistan lari lintang-pukang sebaik premis mereka diserbu sepasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, semalam.

Difahamkan kumpulan itu sibuk mengemas serta menyusun stok jeans jenama tiruan yang dijual di premis

mereka di Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh, di sini.

Dalam serbuan jam 9.30 pagi semalam, sepasukan 16 anggota KPDNHEP diketuai Pegawai Penguat Kuasa Mohd Zarif Anwar Mohd Ali menyerbu premis itu yang menyimpan pakaian jenama tiruan Levi's, Gucci dan Adidas.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, pihaknya menangkap tiga suspek yang dipercayai pemilik atau pekerja premis itu.

"Hasil pemeriksaan terhadap tiga premis itu menemukan 3,734 helai pakaian jenama Levi's, Gucci dan Adidas cetak rompak.

"Kami turut merampas dua van Toyota Hiace dipercayai digunakan untuk mengangkut barangan tiruan itu. Nilai keseluruhan rampasan RM178,616," katanya di sini, semalam.

Muhamad Zikril Azan berkata, siasatan mendapati dua daripada suspek ditahan mempunyai taraf penduduk tetap dan seorang mempunyai pasport

yang sah.

"Semua suspek berusia 30-an hingga 40-an dan direman empat hari bermula semalam.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 102(1)(b)(c) Akta Cap Dagangan 2019. Ini adalah tindakan kes pertama bagi KPDNHEP Negeri Selangor mengikut Akta Cap Dagangan 2019 selepas pindaan terhadap Akta Perihal Dagangan 2011," katanya.

Beliau berkata, serbuan itu susulan risikan tiga minggu hasil aduan pemilik cap dagangan.